

SY

ECONEWS

LABUR SECARA BIJAK UNTUK KESTABILAN PASARAN, NASIHAT P.M.

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang melabur di pasaran saham tidak akan kehilangan wang dan pasaran akan menjadi stabil jika mereka melabur secara bijak, berdasarkan prestasi syarikat-syarikat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, jika mereka melabur berpandukan spekulasi, sudah pasti mereka mesti menerima hakikat ada kala untung dan ada kalanya rugi. "Itulah yang dinamakan spekulasi," beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan satu persidangan perubatan antarabangsa di sini.

Beliau juga menegaskan yang kerajaan tidak campur tangan dalam pergerakan pasaran. "Kita tidak mempengaruhi pasaran seperti itu," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau menambah apabila pelabur-pelabur pasaran cuba memaksa nilai ringgit naik atau turun untuk mendapatkan keuntungan segera, kerajaan terpaksa berhati-hati dan bertanggungjawab menstabilkan keadaan.

Perdana Menteri juga berkata adalah sukar mengelakkan spekulasi di pasaran saham. "Kita tidak mahu campur tangan kerana pasaran saham mesti berfungsi secara sendirian. Orang ramai mesti membeli dan menjual berdasarkan tanggapan mereka."

Ketika diminta mengulas mengenai pergerakan turun naik pasaran kesan tindak balas pelbagai kenyataan, Perdana Menteri berkata beliau tidak faham dengan sikap pasaran yang kelihatan lebih dipengaruhi oleh khabar angin, kenyataan dan orang ramai daripada prestasi syarikat-syarikat berkenaan.

"Jika anda lihat syarikat-syarikat Malaysia, anda akan mendapati kesemuanya baik. Malah beberapa syarikat di kalangannya adalah lebih baik daripada beberapa syarikat gergasi di serata dunia," tambah beliau.

Sebagai contohnya, beliau berkata, Malayan Banking memperolehi hampir setengah ribu juta pada enam bulan pertama tahun lepas dan adalah "hampir sama dengan jumlah keuntungan salah sebuah syarikat terbesar di Amerika yang mempunyai lebih banyak modal".

Maybank telah mengumumkan minggu ini bahawa keuntungan kumpulan sebelum cukai bagi setengah tahun berakhir 31 Dis, 1993 meningkat 40 peratus kepada RM486.3 juta daripada RM346.5 juta untuk tempoh yang sama sebelumnya.

"Jelas syarikat-syarikat Malaysia berprestasi cemerlang tetapi orang ramai tertarik untuk melabur berdasarkan khabar angin dan kadangkala berdasarkan apa yang terjadi di negara-negara lain," kata Perdana Menteri.

Apa yang kerajaan inginkan dan telah bekerja keras untuk mencapainya adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur dan rakyatnya yang makmur.

"Kita tidak mendapat apa-apa jika rakyat miskin atau muflis kerana muflis sama ada bagi individu atau syarikat adalah kerugian terhadap negara," kata beliau.

Beliau berkata kerajaan mempunyai bahagian dalam keuntungan mereka dan adalah sesuatu yang jahil bagi kerajaan untuk membuat rakyatnya kehilangan wang kerana kerajaan juga akan kehilangan pendapatan.

ambil menafikan yang kerajaan mungkin telah campur tangan di pasaran untuk menambah wang bagi pembiayaan pilihan raya negeri Sabah beliau juga berkata bahawa untuk membiayai pilihanraya itu yang paling baik ialah menjadikan rakyat kaya supaya mereka dapat menyumbang kepada tabung kita

Kita tidak pernah membuat perkara seperti itu tegas beliau

Ditanya mengenai kemungkinan diadakan langkah-langkah untuk mengelakkan manipulasi pasaran Perdana Menteri berkata adalah sukar untuk melaksananya kerana itulah pentingnya orang ramai mengkaji prestasi syarikat dan ekonomi secara keseluruhannya

Beliau berkata Malaysia bukan saja mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi antara yang tertinggi pada kira-kira lapan peratus di dunia tetapi ia juga mencatat kadar inflasi yang sangat rendah dan menjadikannya selamat untuk melabur di negara ini

Dengan kadar inflasi yang rendah nilai wang tidak merosot dan orang ramai boleh menyimpan wang mereka atau melabur dan mengekalkan wang mereka serta membuat keuntungan

Saya rasa Malaysia merupakan tempat yang paling baik untuk melabur sekarang kata beliau -- Bernama